



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)
KEPONG, 52109 SELANGOR DARUL EHSAN**

FRIM394/339/1/1

Tarikh: 02.10.2014

IKLAN JAWATAN KOSONG KUMPULAN PELAKSANA SIRI 7/2014

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan bagi mengisi jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

1. (a) **JAWATAN :** **PEMANDU KENDERAAN GRED H11**
(Kekosongan satu (1) jawatan)
- (b) **PENEMPATAN:** Bahagian Pentadbiran
- (c) **TARAF**
JAWATAN : TETAP/KONTRAK
- (d) **JADUAL GAJI:** RM 837.00 (Minimum) – RM 2,619.00 (Maksimum)
- (e) **KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN:** RM 80.00
- (f) **IMBUHAN :**
 - (i) **TETAP KHIDMAT AWAM :** RM 95.00
 - (ii) **TETAP PERUMAHAN :** RM 180.00
 - (iii) **BANTUAN SARA HIDUP :** RM 300.00
- (g) **SYARAT LANTIKAN DAN KELAYAKAN**

Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (i) terdiri daripada warganegara;
- (ii) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (iii) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- (iv) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/ F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan

- (v) Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

- Lesen D RM 896.15
- Lesen E/E1/E2 RM 942.30
- Lesen F/H RM 988.45
- Lesen G/I RM 1,034.60

- (vi) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan

(i) PENGALAMAN BEKERJA :-

Berpengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan jabatan/ syarikat (membuat pemeriksaan harian kepada semua peralatan/ aksesori).

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan atas talian yang boleh diakses di laman sesawang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) (www.frim.gov.my).

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 22 Oktober 2014 (Rabu)

CATATAN AM

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menjalani proses saringan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.